



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

---

Jil. 71

511b Mac 2018

TAMBAHAN No. 7

PER UNDANGAN

Bil. 5

---

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

(Act 171)

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN PILIHAN RAYA (MAJLIS  
DAERAH KERIAN) 2018

Pk. P.U. 11.

---

## SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undangunda  
ng kecil

- 1 . Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

“permit” ertinya permit untuk mempamerkan iklan pilihan raya yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4;

“pilihan raya” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pilihan Raya 1958 [*Akta 19*];

“pilihan raya Negeri” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pilihan Raya 1958 [*Akta 19*];

“pilihan raya Parlimen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pilihan Raya 1958 [*Akta 19*];

“tempoh berkempen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [*Akta 5*]; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian.

## BAHAGIAN II

### PERMIT IKLAN PILIHAN RAYA

#### Larangan ke atas pameran iklan pilihan raya

3. Tiada seorang pun boleh mempamerkan atau menyebabkan dipamerkan apa-apa iklan pilihan raya termasuklah membuat hebahan berbentuk elektronik, sistem siar raya, pembesar suara atau menggunakan apa-apa alat muzik, di mana-mana jalan atau tempat termasuk tempat persendirian dan bangunan persendirian kecuali menurut permit dan syarat yang dikeluarkan oleh Majlis.

#### Permohonan untuk permit

4. (1) Suatu permohonan untuk permit bagi mempamerkan apa-apa iklan pilihan raya hendaklah dibuat kepada Majlis—

(a) oleh parti politik yang berhasrat untuk meletakkan calon dalam kawasan berkenaan atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh parti; atau

(b) jika calon pilihan raya itu tidak mempunyai gabungan politik, oleh calon itu sendiri atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh calon.

(2) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah disertakan dengan bayaran deposit seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(3) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah dibuat di dalam borang yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua.

(4) Majlis boleh, apabila menerima permohonan dan bayaran yang ditetapkan, mengeluarkan kepada pemohon suatu permit bagi mempamerkan iklan pilihan raya dalam kawasan yang dinyatakan dalam permit.

(5) Majlis boleh mengenakan apa-apa syarat yang disifatkan patut apabila mengeluarkan permit.

(6) Setiap permit yang dikeluarkan dikenakan caj sebanyak dua ribu ringgit.

(7) Pemegang permit hendaklah mematuhi segala syarat yang ditetapkan pada permit itu.

#### **Bentuk dan tempoh permit**

5. (1) Permit di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dikeluarkan secara berasingan bagi setiap pilihan raya Negeri dan pilihan raya Parlimen dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(2) Permit hendaklah berkuat kuasa sepanjang tempoh berkempen, sehingga hari yang berikutnya hari mengundi.

#### **Daftar permit**

6. Majlis hendaklah menyebabkan disimpan dan disenggarakan dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara yang ditentukannya, suatu daftar bagi segala permit yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

#### **Pengalihan iklan pilihan raya selepas hari mengundi**

7. Pemegang permit hendaklah, dalam tempoh empat belas hari selepas hari mengundi, mengalihkan segala iklan pilihan raya yang dipamerkan dan segala papan tanda atau struktur lain yang didirikan olehnya atau untuknya.

#### **Pengalihan iklan pilihan raya oleh Majlis**

8. (1) Majlis boleh mengalih, menurun dan melupuskan apa-apa iklan pilihan raya, papan tanda atau struktur lain yang didirikan bagi maksud mempamerkan iklan pilihan raya jika—

- (a) Majlis berpuas hati bahawa iklan pilihan raya itu dipamerkan tanpa permit;
- (b) pemegang permit melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini; atau
- (c) pemegang permit gagal mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan.

(2) Segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis dalam menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan (1) hendaklah disifatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Majlis oleh pemegang permit atau, jika iklan pilihan raya itu dipamerkan tanpa permit, oleh orang yang menyebabkan iklan pilihan raya itu dipamerkan sedemikian, dan boleh didapatkan kembali dalam mahkamah dengan sewajarnya.

**Pelucuthakan deposit**

9. (1) Jika Majlis berpuas hati telah berlaku apa-apa pelanggaran syarat permit atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini, Majlis boleh merampas deposit yang dibayar di bawah perenggan 4(2) sepenuhnya atau sebagiananya.

(2) Jika deposit yang dilucuthakan itu hanya sebahagian sahaja, jumlah yang tidak dilucuthakan hendaklah dipulangkan kepada pemegang permit tanpa apa-apa pelarasan faedah.

**Cara mempamerkan iklan pilihan raya**

10. Suatu iklan pilihan raya hendaklah dipamerkan mengikut mana-mana cara yang berikut:

- (a) dengan melekatkannya pada suatu papan tanda atau struktur lain yang didirikan atau diletakkan oleh pemegang permit;
- (b) dengan menggantungkan iklan pilihan raya itu di sepanjang mana-mana jalan, pada pancang-pancang yang didirikan oleh pemegang permit;
- (c) dengan menanam penopang iklan pilihan raya itu ke dalam tanah selain daripada laluan jalan kaki yang diubinkan atau kaki lima; atau
- (d) dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis dalam permit.

**Larangan terhadap mempamerkan iklan pilihan raya di tempat tertentu**

11. Seseorang pemegang permit hendaklah memastikan—

- (a) tiada iklan pilihan raya dipamerkan atau dibina dengan apa-apa cara yang meliputi, melindungi atau merosakkan apa-apa isyarat lalu lintas, tanda arahan, lampu jalan, lampu perhiasan, pokok atau apa-apa harta benda Majlis;
- (b) tiada apa-apa iklan pilihan raya dipamerkan atas atau merintangi mana-mana jalan;
- (c) tiada apa-apa iklan pilihan raya dipamerkan pada mana-mana premis awam, rumah ibadat dan institusi pendidikan;

- (d) tiada apa-apa iklan pilihan raya dipamerkan pada mana-mana struktur lain dengan menggunakan paku, gam atau pelekat, atau dengan apa-apa cara lain yang boleh merosakkan atau mencacatkan permukaan bangunan atau struktur itu; dan
- (e) tiada apa-apa iklan pilihan raya yang dipamerkan boleh menyebabkan kacau ganggu, halangan atau menjelaskan kesihatan atau keselamatan awam.

### **BAHAGIAN III**

#### **PELBAGAI**

##### **Penalti**

12. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini, syarat atau sekatan permit adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

##### **Pendakwaan**

13. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

##### **Pengkompaunan kesalahan**

14. (1) Yang Dipertua, Setiausaha, Pegawai Undang-Undang Penolong Pegawai Undang-Undang atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Suatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua, Setiausaha, Pegawai Undang-Undang, Penolong Pegawai Undang-Undang atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

#### **Pembatalan dan peruntukan peralihan**

**15.** (1) Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Daerah Kerian) 1990 [Pk. P.U. 25/1990] dengan ini dibatalkan.

(2) Walau apa pun peruntukan perenggan (1), apa-apa permit, notis, perintah atau kompaun yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil yang dibatalkan hendaklah terus menjadi sah seolah-olah ianya dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini melainkan dibatalkan oleh Majlis.

#### **JADUAL PERTAMA**

[perenggan 4(2)]

##### **DEPOSIT**

(a) Permit iklan pilihan raya Parlimen	RM5,000
(b) Permit iklan pilihan raya Negeri	RM4,000

## JADUAL KEDUA

[perenggan 4(3)]

## BORANG PERMOHONAN PERMIT IKLAN PILIHAN RAYA

Majlis Daerah Kerian,

\*Kami ..... /  
*(Nama penuh parti politik dengan huruf besar)*

Saya .....  
*(orang yang tiada gabungan dengan mana-mana parti politik atau wakilnya)*

\*\*\* yang diwakili oleh .....

beralamat .....  
*(alamat parti politik/calon individu)*

No. K.P.: ..... beralamat .....  
.....

memohon untuk mendapatkan permit bagi mempamerkan iklan pilihan raya bagi \*pilihan raya Negeri/pilihan raya Parliment di bawah undang-undang kecil 4 Undang-Undang Kecil Iklan Pilihan Raya (Majlis Daerah Kerian) 2018.

2. Bersama-sama ini \*kami/saya sertakan wang sebanyak RM ..... sebagai deposit dan wang sebanyak RM2,000.00 sebagai caj permit bagi pematuhan syarat-syarat permit dan peruntukan Undang-Undang Kecil tersebut.

Tarikh: .....  
*(Tandatangan Pemohon/  
Pemohon-pemohon)*

\*Potong mana yang tidak berkenaan

## JADUAL KETIGA

[perenggan 5(1)]

## PERMIT IKLAN PILIHAN RAYA

Permit No:.....Rujukan Fail:.....

Nama:.....

Alamat:.....

Adalah dibenarkan oleh Majlis Daerah Kerian, untuk mempamerkan iklan \*pilihan raya Negeri/pilihan raya Parlimen di kawasan-kawasan berikut (sebutkan kawasan-kawasan pilihan raya):

- (1).....
- (2).....
- (3).....
- (4).....

Permit ini hendaklah berkuat kuasa sepanjang tempoh berkempen sehingga hari yang berikutnya hari mengundi, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (1) membayar sejumlah \*RM5,000.00 bagi pilihan raya Parlimen/RM4,000.00 bagi pilihan raya Negeri sebagai deposit bagi pematuhan syarat-syarat permit dan peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil Iklan Pilihan Raya (Majlis Daerah Kerian) 2018;
- (2) membayar RM2,000.00 sebagai caj permit yang dikeluarkan;
- (3) tiada iklan pilihan raya dipamerkan atau dibina dengan apa-apa cara yang meliputi, melindungi atau merosakkan apa-apa isyarat lalu lintas, tanda arahan, lampu jalan, lampu perhiasan, pokok atau apa-apa harta benda Majlis;
- (4) tiada apa-apa iklan pilihan raya dipamerkan di atas atau merintangi mana-mana jalan;
- (5) tiada apa-apa iklan pilihan raya dipamerkan pada mana-mana premis awam, rumah ibadat dan institusi pendidikan;
- (6) tiada apa-apa iklan pilihan raya dipamerkan pada mana-mana struktur lain dengan menggunakan paku, gam atau pelekat, atau dengan apa-apa cara lain yang boleh merosakkan atau mencacatkan permukaan bangunan atau struktur itu;
- (7) tiada apa-apa iklan pilihan raya yang dipamerkan boleh menyebabkan kacau ganggu, halangan atau menjelaskan kesihatan atau keselamatan awam;
- (8) tiada apa-apa iklan pilihan raya di laluan jalan kaki yang diubinkan atau kaki lima atau dalam jarak 50 meter dari mana-mana pusat mengundi;

- (9) Semua iklan pilihan raya hendaklah dialihkan dalam masa 14 hari selepas hari mengundi; dan
- (10) .....  
*(Apa-apa syarat lain yang difikirkan patut oleh Majlis dari semasa ke semasa)*

Bertarikh .....

.....  
*(Nama dan tandatangan orang diberi kuasa)*

.....  
*(Cap rasmi Majlis)*

\*Potong mana yang tidak berkenaan

Dibuat pada 17 Januari 2018  
 [M.D.KERIAN.UND 07-04-2016;  
 PU.Pk. 36/76 (Jld. III)]

ABD KHAIR BIN HJ AHAMAD

*Yang Dipertua  
 Majlis Daerah Kerian*

Disahkan pada 29 Januari 2018  
 [PU.Pk. 36/76 (Jld. III)]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Setiausaha  
 Majlis Mesyuarat Kerajaan  
 Perak Darul Ridzuan*